

Hukum Bergadang dan Qaza' Menurut Pandangan Kh. Abdul Hamid (W. 1352 H/1933 M.) dalam Karyanya Tarjuman

Law of Stay Awake In Night And Cumulus From The View Of Kh. Abdul Hamid (D. 1352 H./1933 M.) in Tarjuman Book

Imamuddin¹
Abdul Karim bin Ali²

Abstrak

Kitab Tarjuman adalah kitab yang dikarang oleh Kiai Haji (KH) Abdul Hamid bin Kiai Ithbat (W. 1352 H./1933 M.). Telah sekian lama kitab ini menjadi salah satu rujukan para pelajar pondok pesantren dan masyarakat dalam bidang ilmu tauhid, fiqh, tajwid, akhlak dan lainnya yang menjadi landasan dasar kepada amalan dalam pembentukan kerohanian masyarakat Islam terkhusus di Madura. Ia ditulis dengan tulisan Jawi yang berbaris dengan menggunakan bahasa Madura. Di samping untuk mengenal pasti hukum bergadang dan qaza' dalam kitab Tarjuman, kajian ini juga menjelaskan biografi KH. Abdul Hamid dan kuraian am mengenai kitab Tarjuman. Kajian ini adalah kualitatif. Beberapa data dikumpul melalui kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan secara temu bual. Kajian mendapati bahawa KH. Abdul Hamid merupakan seorang tokoh ulama yang solutif terhadap permasalahan masyarakat. Seterusnya penjelasan mengenai hukum asal kepada bergadang adalah makruh bahkan boleh menjadi haram jika melibatkan perkara yang haram. Begitu juga mengenai hukum asal qaza' kepada adalah makruh jika tidak menyerupai dengan orang fasiq atau kafir.

Kata Kunci: *Pandangan Hukum, Bergadang, Qaza', KH. Abdul Hamid, Tarjuman, Ulama Madura.*

Abstract

Kitab Tarjuman is a book written by Kiai Haji (KH) Abdul Hamid bin Kiai Ithbat (D. 1352 H./1933 M.). For a long time, this book has become one of the references of Islamic boarding school students and the community in the fields of monotheism, jurisprudence, tajwid, morals and others that are the basis for practice in the spiritual formation of the Muslim community, especially in Madura. It is written in Jawi script that is lined up using the Madurese language. In addition to identifying the law of stay awake in night and cumulus in the Tarjuman book, this study also explains the biography of KH. Abdul Hamid and general description of the Tarjuman book. This study is qualitative. Some data was collected through library research and field research through interviews. The study found that KH. Abdul Hamid is a prominent scholar who solves the problems of society. Next, the explanation of the original law on stay awake in night is makruh and can even be haram if it involves haram thing. Likewise, regarding the original law of qaza' is makruh if it does not resemble wicked people or unbelievers.

Keywords: *Legal View, Stay Awake in Night, Cumulus, KH. Abdul Hamid, Tarjuman, Maduran Scholar.*

¹ Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. email86resmi@gmail.com.

² Profesor Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. abdkarim@um.edu.my.

PENDAHULUAN

Tersebarnya agama Islam di Indonesia pada abad ke 14 M.³, ianya juga tersebar ke daerah-daerah lain di pelbagai pulau di persekitaran Jawa antaranya pulau Madura. Dari generasi kepada generasi, sehingga melahirkan generasi ulama di Madura seperti Shaykhona Kholil yang wafat pada 1925 M.⁴ di kabupaten⁵ Bangkalan dan Kiai Haji (KH.)⁶ Abdul Hamid di kabupaten Pamekasan di daerah Banyuanyar Desa Poto'an Daya. KH. Abdul Hamid adalah salah seorang ulama yang mewarisi kepimpinan pondok pesantren Banyuanyar yang diasaskan pada tahun 1788 M.⁷ Bukan hanya mendidik dan mengajar para santri alias pelajar pondok⁸ tapi beliau juga berjaya menulis karyanya yang sekarang dikumpulkan menjadi sebuah kitab yang disebut dengan *Tarjuman*.

Kitab *Tarjuman* merupakan kitab asas agama Islam yang mengandungi pengajaran tauhid, fiqh, dan yang lainnya meskipun perkara fiqh yang lebih dominan diperbincangkan. Kemungkinan usia kitab ini sudah mencapai 150 tahun atau pun lebih. Selain masyarakat awam, kitab ini banyak digunakan dan diamalkan di kalangan santri pondok pesantren Banyuanyar dan juga di pondok-pondok pesantren yang masih ada ikatan keturunan zuriyat Kiai Ithbat serta keluarga besarnya. Daripada banyak perkara yang diterangkan dalam kitab *Tarjuman*, pengkaji berkeinginan sekali untuk membincangkan relevansi pandangan KH. Abdul Hamid dalam menghadapi kemajuan zaman dengan menghuraikan pandangan beliau terhadap hukum bergadang waktu malam dan hukum *qaza'* (mencukur sebahagian rambut dan membiarkan yang lainnya).

Seterusnya melalui perbahasan ini, pengkaji berhasrat untuk memberikan sumbangsan terhadap keilmuan Islam sehingga boleh mencapai matlamat utama daripada kajian ini. Kajian ini memiliki beberapa kepentingan seperti berikut:

1. Mengemukakan sirah kehidupan salah seorang tokoh ulama klasik daripada pulau Madura yang menjadi salah satu rujukan masyarakat terutama di kabupaten Pamekasan.
2. Memberikan penjelasan tentang kitab *Tarjuman* dengan menghuraikannya secara am.
3. Menampilkkan dan memberikan pemahaman kepada umat mengenai relevansi pandangan KH. Abdul Hamid dalam menghadapi kemajuan zaman dengan menghuraikan pandangan beliau terhadap hukum bergadang waktu malam dan hukum *qaza'* (mencukur sebahagian rambut dan membiarkan yang lainnya) yang dijelaskan dalam kitab *Tarjuman*.

KAJIAN LEPAS

³ HAMKA, *Sejarah Umat Islam "Pesediaan Menyambut Islam di Tanah Jawa"*. (Singapura: Kerjaya Printing Industries Pte Ltd, 2002), 743.

⁴ Beliau adalah Shaykhona KH. Muhammad Kholil bin KH. Abdul Latief bin Hamim bin Abdul Karim bin Muhamarram al-Bangkalani al-Maduri, lahir pada hari Selasa tanggal 11 Jumada al-Thaniyah 1235 H. (1834 M.) dan wafat dalam usia 91 tahun pada tarikh 29 Ramadan 1343 H. (1925 M.). Beliau termasuk ulama besar di Madura dan termasuk sesepuh Organisasi Islam "Nahdlatul Ulama" Indonesia, sebab beliau adalah guru kepada KH. Hasyim Asy'ari yang termasuk diantara pengasas sekaligus pimpinan "Nahdlatul Ulama" (NU) untuk kali pertama. Selain belajar agama di daerah Jawa Timur, beliau juga pernah belajar di Mekkah al-Mukarramah kepada mashayikh-mashayikh yang ada pada masa itu dan termasuk orang alim yang di waktu itu adalah al-Imam Nawawi al-Bantani al-Indunisi. Sila rujuk: Mokh. Syaiful Bakhri, "Syaichona Cholil Bangkalan Ulama dari Legendaris Madura". (Pasuruan-Indonesia: Penerbit Cipta Pustaka Utama, 2006), 21-46.

⁵ Di negara Republik Indonesia, kumpulan daripada beberapa kecamatan disebut dengan kabupaten atau kota. Manakala kecamatan adalah kumpulan daripada beberapa kelurahan (kampong atau desa). Provinsi merupakan kumpulan daripada kabupaten (dan kota). *Kamus Bahasa Indonesia*. (Jakarta: Pusat Bahasa, 2008), 610, entri "kabupaten". *Kamus Dewan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 649, entri "kabupaten".

⁶ Maksud daripada KH adalah Kiai Haji yang merupakan sebutan Tok Guru agama di Indonesia. Lihat: *Kamus Bahasa Indonesia*, 767, entri "kiai"

⁷ Imamuddin, "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks" (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2016), 23.

⁸ *Kamus Bahasa Indonesia*. 1363, entri "santri"

Beberapa kajian yang telah dijalankan terhadap kitab *Tarjuman* yang berbentuk tulisan sama ada disertasi, artikel maupun jurnal, antaranya sepihama berikut:

Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid dan KH Abdul Majid Bin KH Abdul Hamid: Kajian Teks oleh Imamuddin. Kajian ini lebih bertumpu kepada kajian *library research*. Kajian ini bukan membincangkan tentang pengeluaran hukum dalam kitab *Tarjuman*. Ia hanya memperbahaskan kedudukan hukum solat sunat *Ghayr Mashhurah* dalam kitab ini. Hasil dapatan kajiannya adalah bahawa solat-solat tersebut merupakan solat-solat yang tidak memiliki dasar yang kukuh dalam hukum syarak sehingga pengamalannya tidak diperbolehkan. Ada juga sebahagian ulama terdahulu yang membolehkan pengamalan solat-solat tersebut berdasarkan ijtihad mereka.⁹ Namun begitu, setelah diketahui bahawa dalil atau dasar pengamalan tersebut merupakan hadith palsu, munkar dan sejenisnya bahkan ada yang tidak memiliki dalil sama sekali, maka tetap tidak boleh diamalkan. Disebabkan hasil ijtihad sebahagian ulama terdahulu, mereka dianggap belum mengetahui dalil yang sebenar atau tidak tahu bahawa dalil itu palsu.

Etika Memperlakukan Al-Quran Dalam Kitab *Tarjuman* Karya KH. Abd. Hamid Bin Isbat dan KH. Abd. Majid Bin Abd. Hamid oleh Abdullah. Kajian ini merupakan kajian *library research*. Tetapi kajian ini tidak menyentuh sama sekali tentang isu pengeluaran hukum dalam kitab *Tarjuman*. Hasil kajiannya adalah seperti berikut: (1) Pentingnya menghormati al-Quran sebagai kitab suci Allah swt sama ada yang berbentuk teks atau pun mushaf. (2) Pentingnya menghormati ulama, hafiz al-Quran dan guru. (3) Ikhlas dalam membaca al-Quran dan menghayatinya.¹⁰

Sebuah jurnal yang bertajuk: Konsep Pendidikan *Téngkâ* (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab *Tarjuman*) oleh Zainuddin Syarif yang dikeluarkan oleh Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Madura. Jurnal ini membincangkan tentang *téngkâ* (moral) yang banyak dijelaskan oleh KH. Abdul Hamid dalam kitab *Tarjuman*. *Téngkâ* adalah bahasa Madura yang bermakna adab atau pun akhlak. Hasil kajian tersebut menyimpulkan bahawa adab adalah konsep dasar daripada pendidikan setiap santri (murid) sama ada di dalam pondok pesantren atau pun di luar pondok. Dan adab wajib didahulukan daripada ilmu pengetahuan. Oleh itu, KH. Abdul Hamid lebih mementingkan akhlak daripada pengembangan intelektual setiap pelajar. Beberapa anasir penting dalam pendidikan *téngkâ* yang dikemukakan oleh K.H Abdul Hamid dalam kitab *Tarjuman*.¹¹

Sebuah skripsi atau karangan ilmiah yang wajib ditulis oleh mahasiswa sebagai bahagian dari persyaratan akhir pendidikan akademiknya (*Kamus Bahasa Indonesia*, 2008, p. 1483) yang sudah dijadikan jurnal dengan tajuk: Penggunaan Ayat-Ayat Al-Quran dalam Ritual Rebo Wekasan (Studi Living Qur'an di Desa Sukoreno Kec. Kalisat Kab. Jember) oleh Umi Nuriyatur Rohmah. Sebelum dijadikan jurnal Sekolah Tinggi Ilmu al-Quran (STIQ) Walisongo Sitobondo Jawa Timur, skripsi ini tidak ada hubungkaitnya dengan kitab *Tarjuman*. Mungkin penulis skripsi ini menjumpai data baru dan dianggap sebagai penguat penulisan jurnal, maka diambilah data baharu tersebut daripada kitab *Tarjuman* melalui temubual dengan Nailur Rahman sebagai alumni pondok pesantren Banyuanyar Pamekasan Madura, di Yogyakarta, pada tarikh 3 Jun 2014. Antara rujukan utama jurnal ini adalah kitab *Tarjuman*. Kajian ini cuba memberikan pemahaman kepada masyarakat bahawa al-Quran adalah kitab suci yang bukan semata-mata tulisan dalam lembaran-

⁹ Imamuddin, "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks", ii.

¹⁰ Abdullah, "Etika Memperlakukan Al-Quran Dalam Kitab Tarjuman Karya KH. Abd. Hamid Bin Isbat Dan KH. Abd. Majid Bin Abd. Hamid", (Skripsi, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta 2016), xiii.

¹¹ Zainuddin Syarif, *Konsep Pendidikan Téngkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman)*, Nuansa (Jurnal Ilmu Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam- Institut Agama Islam Negeri Madura) (2018), 170-171.

lembaran mushaf dan seterusnya dibaca tanpa aplikasi dalam kehidupan masyarakat. Terbukti dalam pelaksanaan ritual *Rebo Wekasan*, ayat-ayat al-Quran yang dibaca di dalamnya merupakan pengisian terhadap kebiasaan masyarakat di desa Sukoreno kecamatan Kalisat kabupaten Jember Jawa Timur. Ritual *Rebo Wekasan* yang dilaksanakan pada setiap tahun sekali pada hari Rabu terakhir bulan Safar merupakan sebuah kebiasaan yang membudaya di kalangan masyarakat Jawa pada umumnya. Nampak secara jelas ada kombinasi atau pengikut sertaan Al-Quran dalam budaya oleh masyarakat sehingga kitab suci tersebut tidak dianggap mati.¹²

Namun sebagai penyeimbang hasil kajian jurnal ini, pengkaji ingin memberikan kedudukan hukum daripada solat *Rebo Wekasan* yang ditulis dalam kitab *Tarjuman* megikut pandangan syarak. Praktik ibadah ini adalah dilarang sama sekali kerana ianya tidak berpaksikan terhadap dalil nas al-Quran dan hadith sepetimana solat-solat sunnat lainnya. Ianya hanya bersumber kepada riwayat seseorang yang diyakini sebagai ahli makrifat¹³ yang mengatakan bahawa sekali setahun pada hari Rabu terakhir pada bulan Safar akan turun bala sebanyak 320.000 macam. Oleh itu, disunnahkan untuk melakukan solat *Rebo Wekasan* sebagai penolak bala tersebut. Pendalilan ini tidak dapat diterima oleh syarak dan perbuatannya dianggap batil. Perkara ini sudah dijelaskan dalam tesis sarjana pengkaji.¹⁴

Sumbangan dan Peranan KH. Abdul Hamid Dalam Kearifan Tempatan: Kajian Terhadap Kitab *Tarjuman* adalah sebuah jurnal yang dijalankan bagi mengenalpasti *Tarjuman* dan peranan KH. Abdul Hamid dalam kearifan tempatan yang beliau tuangkan dalam kitab *Tarjuman*. Untuk mencapai tujuan tersebut, digunakan metode kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Kajian ini mendapati adanya sumbangan pemikiran hukum beliau terhadap hukum karapan sapi (pacuan lembu). Sehingga menjadi solusi terhadap permasalahan masyarakat terutamanya di kabupaten Pamekasan Madura.¹⁵

Daripada ulasan kajian lepas di atas, dapat diketahui bahawa belum ada lagi yang memperbahaskan mengenai hukum bergadang waktu malam dan hukum *qaza'* (mencukur sebahagian rambut dan membiarkan yang lainnya). Oleh itu, pengkaji berkeinginan untuk membincangkan dua perkara tersebut dalam kajian ini bagi mengenalpasti sejauh mana pandangan KH. Abdul Hamid boleh diambilkira dan sesuai untuk diamalkan meskipun zaman terus berubah dan berkembang pada zaman moden ini.

¹² Umi Nuriyatur Rohmah, "Penggunaan Ayat-Ayat Al-Quran dalam Ritual Rebo Wekasan Studi Living Qur'an di Desa Sukoreno Kec. Kalisat Kab. Jember". *Al-Bayan Jurnal Ilmu Qur'an dan Hadits* 1. 1 (2018), 89.

¹³ Kamus Dewan, 983, entri "makrifat".

¹⁴ Imamuddin, "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks", 99-134.

¹⁵ Imamuddin & Abdul Karim bin Ali, *Sumbangan dan Peranan KH. Abdul Hamid Dalam Kearifan Tempatan: Kajian Terhadap Kitab Tarjuman*. Al-Basirah (2022), 49.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

a. Sejarah Hidup dan Keturunan KH. Abdul Hamid



Gambar 1.0

Sekitar tahun 1810 M., KH. Abdul Hamid kecil dilahirkan di Banyuanyar. Seorang anak lelaki kepada Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq. Kiai Ithbat adalah pengasas pondok pesantren Banyuanyar dengan tujuan untuk mewujudkan cita-cita ayahnya iaitu Kiai Ishaq. Pondok pesantren Banyuanyar bermula sekitar tahun 1788 M. dan berusia sekitar 227 tahun sehingga kini.

Dengan berjalannya waktu, Kiai Ithbat berjaya mengajar anaknya (KH. Abdul Hamid) sehingga berlanjut belajar ke kota Mekah. Antara gurunya adalah Shaykh Nawawi al-Bantani.¹⁶ Pada tahun 1868 M., Kiai Ithbat wafat dan seterusnya kepimpinan pondok pesantren diganti oleh KH. Abdul Hamid. Pada tahun 1933 M., KH. Abdul Hamid meninggal dunia di Mekah¹⁷ ketika menunaikan ibadah haji¹⁸ dan dikuburkan di bahagian barat perkuburan al-Ma'la.¹⁹

Nasab keluarga KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq ini masih ada hubungannya dengan Sunan Giri²⁰ yang berada di Gresik Jawa Timur. Sebab, Kiai Ishaq adalah anak lelaki kepada Kiai Hasan, manakala Kiai Hasan adalah anak lelaki kepada Kiai Abdurrahman²¹ seterusnya Kiai Abdurrahman adalah menantu kepada Sunan Giri Gresik Jawa Timur.²² Sunan Giri adalah salah seorang daripada Sembilan Sunan atau masyhur dengan sebutan *Wali Songo*. Oleh itu, bilamana dilihat daripada sisi nasab keturunan KH. Abdul Hamid, sememangnya beliau mempunyai nasab yang tinggi dan luhur. Beliau masih keturunan seorang pejuang agama Islam di pulau Jawa

¹⁶ Zainuddin Syarif, *Konsep Pendidikan Téngkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman)*, 154.

¹⁷ Zainudin Syarif, *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, (Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007), 29.

¹⁸ Imamuddin, "Solat Sunat Dalam Kitab Tarjuman Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks", 33.

¹⁹ Muhammad Ali Hisyam, "Banyuanyar: Sebuah Stasiun di Pelosok Waktu", *Majalah Dinamika*, Ed. 1, Julai 2003, 84.

²⁰ Sunan Giri mempunyai dua nama lain iaitu Ainul Yaqin dan Raden Paku. Beliau adalah kepada Maulana Ishak, iaitu sahabat dekatnya Raden Rahmat atau Sunan Ampel Atau Ngampel. Sunan Ampel adalah ayah kepada Makhdum Ibrahim atau Sunan Bonang. Sunan Giri dan Sunan Bonang pernah belajar Ilmu Islam Di Negeri Melaka selama tiga tahun kepada seorang Shaykh daripada Iran. Kemudian keduanya kembali ke Jawa. Makhdum Ibrahim memperjuangkan agama Islam di Bonang dekat Tuban (salah satu Kabupaten di Jawa Timur), daripada itu beliau disebut Sunan Bonang. Sedangkan Ainul Yaqin Atau Raden Paku berjuang di Giri-Gresik (yang mana ianya juga adalah nama salah satu Kabupaten di Jawa Timur), oleh itu beliau disebut Sunan Giri. Murid-murid beliau banyak yang datang daripada pulau Madura. HAMKA, *Sejarah Umat Islam*, 747-748.

Seterusnya mengenai salasilah bersambungnya nasab KH. Abdul Hamid dengan Sunan Giri, boleh rujuk: "Bany Itsbat Bani Itsbat" (2020), dicapai 3 Jun 2022, <https://www.alkhoirot.com/bany-itsbat-bani-isbat/>

²¹ Zainudin Syarif, *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, 26.

²² "Pesantren Banyuanyar Sesepuh Para Kyai" (2016), dicapai 30 Jun 2022. <http://wiyonggoputih.blogspot.com/2016/08/pesantren-banyuanyar-sesepuh-para-kyai.html>

pada masa awal datangnya Islam ke Jawa. Tidak keterlaluan jika dikatakan, bahawa memang telah mengalir di dalam diri beliau darah seorang alim besar iaitu Sunan Giri.

KH. Muhammad Syamsul Arifin²³ berkata bahawa KH. Abdul Hamid terkenal dengan sifat-sifat yang terpuji, antaranya beliau sering menangis jika mendapatkan kesilapan dalam perkara agama, walaupun kesilapan tersebut sangat kecil dan tidak sampai berimpak kepada dosa. Pernah sekali beliau tidak sengaja melakukan kesilapan dengan memulakan kaki kiri ketika hendak memasuki masjid. Beliau dengan segera mundur ke belakang, kemudian menangis kerana merasa tidak beradab memasuki rumah Allah (masjid). Pernah juga beliau menangis ketika memotong daun yang masih ada di dahannya kerana telah menyakiti makhluk hidup. Padahal syari'ah tidak memberikan hukuman terhadap perbuatan tersebut. Pernah juga beliau dijumpai menangis ketika melihat orang merokok. Beliau tidak melarang langsung orang yang merokok tadi, tapi beliau berkata kepada si perokok bahawa sebaiknya membaca istighfar daripada merokok, kerana hal itu lebih afdal baginya. Beliau juga berpesan kepada si perokok: "Bagaimana kalau api rokok itu mengenai kain pelikat (sarung) kemudian berlubang, maka solatnya tidak sah sebab auratnya tidak tertutup?". Lalu si perokok menjadi malu dan berhenti dengan membuang rokoknya. Ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang tegas ketika melihat suatu kesalahan, walaupun kesalahan itu kelihatan kecil. Namun, penuh dengan hikmah ketika beliau menegur seseorang. Selari dengan apa yang diperintahkan Allah dan Rasul-Nya.²⁴ Sememangnya beliau menyarankan supaya seseorang jangan selalu merokok kerana merokok tidak membuat orang lapar menjadi kenyang, tidak menghilangkan dahaga, membazir harta tanpa faedah, merokok dapat melalaikan seseorang daripada berzikir mengingat Allah. Bahkan beliau mengatakan bahawa merokok adalah bid'ah.²⁵

Ustaz Muzammil Imron²⁶ berkata bahawa KH. Abdul Hamid juga terkenal dengan istiqamahnya dalam solat berjemaah. Pernah beliau terkena penyakit lumpuh separuh badannya. Tapi, beliau tetap mengimamkan anak-anak muridnya. Beliau juga sering berpuasa sunat meskipun tidak diketahui secara pasti berapa lama beliau berpuasa. Ada yang mengatakan bahawa beliau berpuasa selama 15 tahun. Beliau membahagikan puasanya ini pada tiga doa dan harapan. Tahun pertama puasa beliau bertujuan untuk mendoakan ahli keluarga serta keturunannya. Kemudian tahun kedua beliau berpuasa untuk mendoakan anak-anak muridnya. Pada tahun ketiga beliau berpuasa untuk mendoakan semua jiran yang bermukim di persekitaran pondok pesantren. Ada pula yang mengatakan beliau berpuasa selama 20 tahun, ada juga yang mengatakan sampai 25 tahun.

Isteri beliau merupakan orang yang sangat taat dan salehah. Mereka berdua berjanji tidak mahu kumpul tidur berhubungan suami-istri, kecuali setelah dapat mengkhatamkan satu al-Quran. Kiai Muhri berkata bahawa KH. Abdul Hamid dengan isterinya terkenal dengan kezuhudannya. Pernah suatu ketika isterinya menjumpai sesuatu yang pelik ketika membasuh beras untuk dimasak. Serta merta sang isteri terkejut, kerana tak disangka beras tersebut berubah menjadi emas. Seketika itu dia mendatangi beliau seraya menangis dan bertanya: "Adakah kamu berdoa tidak ikhlas kepada Allah?". Sebab yang diminta dan dipohon kepada Allah bukan banyak harta, tapi memohon kekuatan dalam agama (bermakna, berdoa untuk akhirat bukan untuk dunia). Disangkanya KH. Abdul Hamid berdoa atau beribadah untuk mencari habuan dunia sahaja. Dengan sikap suami yang bijaksana, beliau menyuruh isterinya kembali ke tempat semula di mana dia membasuh beras.

²³ KH. Muhammad Syamsul Arifin (Mudir Pondok Pesantren Darul UlumBanyuanyar semenjak tahun 1980 sehingga 2021 dimana pada tahun tersebut beliau wafat), dalam temubual dengan pengkaji, 11 November 2011.

²⁴ ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُؤْمِنَةِ بِالْيَتِيمِ هِيَ أَحْسَنُ، artinya: "Serulah (mereka) ke jalan TuhanMu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik". QS. al-Nahl: 125.


²⁵ Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid, *Tarjuman*, (Dar al-Saqqaf, 1980), 80.

²⁶ Ust. Muzammil Imron, MA. (Beliau adalah antara alumni dan termasuk Ustaz yang aktif mengajar di Pondok Pesantren Mambaul UlumBata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 17 November 2011.

Ternyata emas tadi berubah menjadi beras semula. Itulah antara sifat-sifat terpuji beliau yang pengkaji dapatkan dari beberapa sumber.²⁷

b. Huraiyan Am Kitab Tarjuman

Latar Belakang Pengkajian Kitab Tarjuman



Gambar 2.0

Pada mulanya kitab ini berbentuk tulisan-tulisan kertas atau boleh disebut dengan risalah-risalah kecil, kemudian dikumpulkan dan dijadikan satu kitab yang dinamakan kitab *Tarjuman*. Sekitar tahun 1974 M.,²⁸ selesailah penulisan ulang kitab *Tarjuman* pada masa kepimpinan KH. Abdul Hamid Baqir bin KH. Abdul Majid cucu kepada KH. Abdul Hamid. Hal ini dibuat dikeranakan banyak permintaan daripada santri sama ada yang masih belajar atau yang sudah lulus daripada pondok pesantren Darul Ulum Banyuanyar²⁹ serta masyarakat supaya karya KH. Abdul Hamid mudah untuk dipelajari dan menjadi khazanah keilmuan yang terjaga.

Adapun proses penulisan kitab *Tarjuman* bermula dengan pengumpulan risalah-risalah kecil yang tersebar di tempat yang berbeza-beza sehingga memerlukan waktu satu bulan. KH. Ahmad Faqih daripada desa Toronan Kowel Pamekasan juga membantu pengumpulan risalah-risalah tersebut sekaligus menulis ulang untuk dijadikan satu kitab. Kemudian Hj. Nawawi bin Hj. Ahmad Nur daripada Karang Sokon Sumenep membiayai percetakan kitab *Tarjuman*.³⁰

Kitab ini ditulis khas sebagai asas agama bagi kalangan awam. Mungkin daripada segi isi, kitab *Tarjuman* bukanlah kitab yang sangat istimewa. Kandungannya hanya sesuatu yang biasa. Namun, ianya mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap perubahan keislaman orang Madura pada masa itu terkhusus masyarakat Pamekasan Madura dan sekitarnya.³¹ Dengan adanya kitab *Tarjuman* yang berbahasa Madura, banyak memahamkan masyarakat awam yang susah belajar agama dengan menggunakan kitab yang berbahasa Arab.

²⁷ Sebahagian sumber mengatakan beras itu bukan padi, tapi jagung yang sudah dihancurkan (dihaluskan) menjadi kecil-kecil. Sumber ini diambil daripada sumber lain iaitu Kiai Muhri. Kiai Muhri (Beliau adalah antara alumni Pondok Pesantren Mambaul UlumBata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.

²⁸ Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid, *Tarjuman*, 126.

²⁹ *Ibid*, 3.

³⁰ *Ibid*, 2-3.

³¹ Temubual dengan (Allah yarham) KH. Tahir Zain bin KH. Abdul Hamid bin KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi (yang mana KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi ini adalah menantu kepada KH. Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat) di Pondok Pesantren Manba’ul Ulum Bata-Bata Pamekasan Madura Jawa Timur Indonesia, dalam temubual dengan pengkaji, tarikh 23 November 2011.

Metode Penulisan Kitab *Tarjuman*

Para ilmuwan belum bersepakat mengenai awal kemunculan penulisan huruf Arab pegan (tulisan Jawi).³² Ada yang mengatakan di persekitaran tahun 1200 M./1300 M. bersamaan dengan masuknya Islam ke Nusantara yang merubah kepercayaan Animisme, Hindu, dan Budha. Ada juga yang mengatakan pada tahun 1400 M. oleh Raden Rahmat atau Sunan Ampel Surabaya. Ada pula yang berpendapat bahawa pemilik tulisan pegan adalah Syarif Hidayullah atau Sunan Gunung Jati Cirebon Jawa Barat. Tulisan huruf pegan mempunyai pengaruh besar terhadap dunia pendidikan di kebanyakan pondok pesantren di Jawa³³ dan Madura sehingga kitab *Tarjuman* juga ditulis dengan menggunakan huruf pegan.

Meskipun penulisan kitab *Tarjuman* ditulis dengan huruf Jawi, namun ianya mempunyai ciri-ciri khas yang berbeza dengan kitab lainnya. Antaranya tulisan Jawi di kitab ini dilengkapi dengan barisnya (*harkat*), sehingga mudah untuk dibaca semua orang terutamanya orang awam. Kitab ini ditulis tanpa menggunakan pasal (*fasl*) atau pemisah antara permasalahan-permasalahan yang dibahas. Maka orang yang membacanya akan mengalami kesulitan untuk mencari permasalahan yang dinginkan. Penulisan kitab ini tidak menggunakan tanda-tanda penulisan secara tepat seperti titik atau koma. Oleh itu, pembacanya harus pandai dan teliti.

Kitab ini ditulis tanpa ada dalil atau rujukan kecuali ada sebahagian kecil perbahasan yang memiliki rujukan seperti perbincangan tentang rajah pada hari Rabu terakhir pada bulan Safar, yang dikatakan ada dalam kitab *al-Jawahir*.

Dalam permasalahan tauhid, kitab *Tarjuman* mengikut aqidah Imam Asy’ari. Hal itu nampak jelas ketika beliau mengatakan bahawa ada lima puluh *aqa’id* yang wajib kita ketahui iaitu *wujud*, *qidam*, *baqa’* dan seterusnya. Dalam bidang fiqh, *Tarjuman* mengikut mazhab Imam Syafi’i. Seterusnya dalam bidang tajwid, *Tarjuman* mengikut riwayat Imam Hafs daripada Imam ‘Asim.³⁴

Isu Hukum Fiqh

Dalam hal ini, pengkaji akan melakukan empat perkara iaitu sebagaimana berikut:

- a. Menukil teks asli daripada kitab *Tarjuman*.
- b. Menerjemahkan teks bahasa kitab *Tarjuman* yang telah dinukil ke dalam bahasa Melayu.
- c. Memastikan rujukan asal isu hukum fiqh yang dinukil daripada kitab *Tarjuman*.
- d. Menganalisis isu hukum fiqh tersebut dengan merujuk kepada pandangan ulama fiqh yang muktabar.

1. Teks Hukum Bergadang Dalam Kitab *Tarjuman*

³² Kamus Dewan, 1160, entri “pegon”.

³³ -, “Aksara Pegan: Studi Tentang Simbol Perlawanan Islam Jawa Abad Ke – XVIII – XIX”, dicapai 18 May 2022, http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu_Fikri-Aksara_pegon_Ringkasan.pdf

³⁴ Imamuddin, Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin KH Abdul Hamid: Kajian Teks, 41-42.

بَأْءَ دَرِيْ بَخْرَانْ كُرَآنَ دَرِيْ أَخْرَاهَ صَلَاةَ صَبِحَنَ اَمْتَوَأْ
دَرِيْ تَلَرْ تَشْكِينَاسْ هَيْ أَصَلَاةَ صَبِحَنَ اَغْبِيْخَ تَاءَ مَكْرُوْهَ لَمَوْنَ
اَكَبُوْتَمَانَ كُرَآنَ غَرْوَى فَرْنَانَ تَامُونَجِيْ بَنَ كُرَآنَ اَرْمَبُولَهَ عَلَمَ
بَنَ كُرَآنَ اَبَابُوْغَافَائِنَ كَلَوَانَ پِيْنِيْهَ سَيْ اَبَرْ . دَنِيشَ كَمُونَ اَكَبُوْ
مَنَانَ مَعْصِيَةَ كَكَنْطَهَ غَوْمَقْتَ اَتُوْغَادُوهَ ۚ بَنَ سَعَدَرَتَ اَغْبِيْ
دَرِيْ دَوْسَهَ تَعْيِنَهَ بَچِشَانَ بِتِيدُوْغَ بَاْهِيْ فُوْمَ ۚ

Terjemahan: Makruh bergadang dengan bergadang yang tidak menjadi ganjaran. Kerana boleh menjadikan akhirnya solat Subuh atau menjadi tidak bangun untuk solat Subuh kecuali tidak makruh kerana mengharap supaya tetamu selesa dan kerana mesyuarat (diskusi) ilmu dan membuat bahagia istri yang baru. Namun jika bergadang (untuk) maksiat seperti mengumpat atau mengadu (untuk permusuhan) dan yang sejenisnya maka menjadi dosa tidak tidurnya (bergadang) sebaiknya tidur sahaja sungguh-sungguh.³⁵

Definisi

Dalam *Kamus Dewan*, bergadang adalah berjaga sepanjang malam.³⁶ Boleh juga disebut begadang iaitu tidak tidur (berjaga) sampai larut malam.³⁷ Bermakna seseorang atau dua orang ataupun ramai orang tidak tidur di waktu malam sehingga hampir masuk waktu subuh ataupun sehingga waktu subuh. Oleh itu, dapat dikatakan di waktu malam hanya menyisakan sedikit masa untuk tidur atau rehat. Bahkan tidak tidur sama sekali dan malahan mengambil masa rehatnya di waktu pagi dan siang hari.

Ada dua istilah dalam Islam mengenai bergadang. Ada yang disebut dengan سَهْرٌ “Sahar” yang bermakna tidak tidur atau berjaga di malam hari.³⁸ Ada juga yang disebut dengan سَمَرٌ “samar” iaitu percakapan di malam hari³⁹ atau boleh dibaca سَمَرٌ “samr” yang bermakna tidak tidur atau bercakap satu malam secara berterusan.⁴⁰ Perbezaan antara kedua sebutan ini adalah ada dan tidak adanya percakapan pada masa bergadang. Oleh itu, jika seseorang bergadang bersendirian sahaja maka itu disebut dengan سَهْرٌ, tapi jika bergadang dengan lawan bicara atau ada kawan yang menemainya maka itu disebut dengan سَمَرٌ.

Perbincangan Hukum Bergadang

Kh. Abdul Hamid menjelaskan dalam kitab *Tarjuman* bahawa bergadang di malam hari adalah makruh bahkan haram meskipun ada juga yang membuat hukum bergadang tidak makruh seperti bergadang untuk belajar atau menggembirakan istri baru dan lain sebagainya. Dalam kitab

³⁵ Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid, *Tarjuman*, 56.

³⁶ *Kamus Dewan*, 421, entri “bergadang”.

³⁷ *Kamus Bahasa Indonesia*, 155, entri “begadang”.

³⁸ Mahmud Yunus, *Arab-Indonesia*, (Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsiran Al-Quran, 1973), 183.

³⁹ Abu Nasr Isma'il ibn Hammad aAl-Juhari, *al-Sihah*, (Dar al-Hadith, 2009), 558.

⁴⁰ Mahmud Yunus, *Arab-Indonesia*, 178.

Hukum Bergadang dan Qaza' Menurut Pandangan Kh. Abdul Hamid (W. 1352 H/1933 M.) dalam Karyanya Tarjuman

Tarjuman, bukan pada muka surat 56 sahaja dijelaskan tentang persoalan bergadang. Namun juga dapat dijumpai pada muka surat 43 penjelasan singkat mengenai bergadang yang tidak ada faedahnya tanpa menyatakan hukumnya.⁴¹

Pandangan KH. Abdul Hamid mengenai hukum bergadang ini didasari oleh hadith Rasulullah saw sebagaimana berikut:

عَنْ أَبِي بَرْرَةَ رضي الله عنه أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَكْرَهُ النَّوْمَ قَبْلَ الْعِشَاءِ وَالْحَدِيثَ بَعْدَهَا
(رواه البخاري)

Terjemahan: daripada Abu Barzata ra., bahawa sesungguhnya Rasulullah saw tidak menyukai (membenci) tidur sebelum waktu Isyak dan berbicara (sembang) selepas waktu Isyak.⁴²

عَنْ عَائِشَةَ رضي الله عنها قَالَتْ: مَا نَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ الْعِشَاءِ وَلَا سَمَرَ بَعْدَهَا (رواه ابن ماجه)

Terjemahan: daripada Aisyah ra berkata: Rasulullah saw tidak pernah tidur sebelum Isyak dan berjaga sambil bersempang selepas Isyak.⁴³

Imam Nawawi dalam syarah *Sahih Muslim* menjelaskan bahawa para ulama sepakat makruhnya bergadang pada malam hari kecuali bergadang tersebut memiliki tujuan yang baik. Adapun yang menjadi sebab makruhnya berbicara atau sembang selepas Isyak adalah dikeranakan akan membuat bergadang sehingga larut malam, dapat melalaikan solat Tahajjud dan berzikir di malam hari, dapat melalaikan solat Subuh sama ada di waktu yang jaiz (waktu yang dibolehkan solat) ataupun di waktu mukhtar atau afdal (waktu yang utama). Kerana bergadang juga menjadi penyebab kemalasan seseorang di siang hari bagi melaksanakan perintah agama, ketaatan-ketaatan lainnya dan berbagai kemaslahatan perkara keduniaan.⁴⁴

Selari dengan Imam Nawawi, Ibnu Hajar al-'Asqalani menyatakan bahawa bergadang sambil bersempang-sempang selepas Isyak dapat menyebabkan seseorang tidur tanpa melaksanakan solat Subuh atau tidak dapat solat di waktu mukhtar ataupun juga dia tidak dapat bangun untuk melaksanakan qiyamullail. Sayyidina Umar bin Khattab pernah memukul orang-orang (yang tidak melaksanakan solat Subuh), seraya berkata: Adakah (sebab) bergadang atau tidur di akhir malam?⁴⁵

Imam al-Qurtubi menyatakan dalam tafsirnya, sesungguhnya hikmah daripada makruhnya bergadang dan bersempang-sempang selepas Isyak ialah supaya setiap orang mendapatkan ketenangan yang Allah jadikan waktu malam itu sebagai waktu yang tenang. Oleh itu, jika seseorang tidak tidur sambil bersempang-sempang di malam hari, maka dia telah menjadikan waktu

⁴¹ Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid, *Tarjuman*, 43.

⁴² Abu 'Abdillah Muhammad Ibn Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, (Dar Ibn Kathir, 2002), 146.

⁴³ Abu 'Abdillah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwini Ibn Majah, *Sunan*, (Dar al-Jayl, 1998), 30.

⁴⁴ Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, (al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, 1929), 5/146.

⁴⁵ Shihabuddin Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar Al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, (Al-Risalah al-'Alamiyyah, 2013), 2/604.

malam seperti waktu siang yang digunakan untuk mencari nafkah. Seolah-olah dia bermaksud menyelisihi hikmah Allah yang telah ditetapkan di waktu malam.⁴⁶

Selain dihukumi makruh, bergadang boleh menjadi haram jika ada faktor yang menjurus ke arah tersebut seperti bergadang untuk mengumpat seseorang sebagaimana dijelaskan oleh KH. Abdul Hamid. Kerana mengumpat merupakan perkara maksiat. Oleh yang demikian, jika dalam bergadang itu wujud anasir maksiatnya maka hukumnya bukan makruh lagi tapi malah menjadi haram. Bahkan bukan hanya haram. Boleh jadi bergadang ini dapat menjerumuskan seorang muslim kepada kemurtadan jika dalam percakapannya di malam hari tersebut mengandungi olok-an terhadap agama. Sepertimana yang telah dirakamkan dalam al-Quran megenai kaum kafir Quraisy yang bergadang di persekitaran Baitullah.

مُسْتَكْبِرِينَ بِهِ سَمِّرًا حَجَرُونَ ﴿٢٣﴾

al-Mukminun (23): 67

Terjemahan: (kalian) dengan menyombongkan diri dengannya (al-Haram/Baitullah) dan mengucapkan perkataan-perkataan keji terhadapnya (al-Quran) di waktu kalian bercakap-cakap di malam hari.

Dalam tafsir *al-Jalalayn* dijelaskan bahawa orang-orang kafir menyombongkan diri daripada (keimanan di hadapan orang-orang mukmin) dengan mengaku sebagai pemilik Baitullah atau (yang layak menjaga) tanah haram berbanding orang lain. Padahal mereka bergadang pada malam hari di persekitaran Baitullah dalam keadaan meninggalkan al-Quran dan berkata-kata yang tidak benar terhadap nabi Muhammad saw dan al-Quran.⁴⁷

Daripada pelbagai huraian di atas, maka dapat difahami bahawa hukum bergadang ini boleh berubah daripada makruh sehingga haram dan bahkan boleh membuat seorang muslim terkeluar daripada Islam jika tidak berhati-hati dalam percakapannya sepertimana kaum kafir Quraisy. Seterusnya percakapan makruh dan haram di luar waktu selepas Isyak, jika dilakukan selepas Isyak, maka hukumnya menjadi sangat makruh dan sangat haram. Sebab yang dihukumi makruh selepas Isyak itu adalah perbincangan yang mubah atau harus sepertimana dijelaskan oleh Imam Nawawi dalam kitab *Riyad al-Salihin*.⁴⁸ Begitulah sememangnya hukum-hakam itu dapat berubah bergantung kepada sebab atau illatnya sebagaimana dijelaskan dalam kaedah fiqh.

الْحُكْمُ يَدْوِي مَعَ عُلَمَاءِ وَجُودَةِ وَعْدِهِ

Terjemahan: Hukum (dalam Fiqh Islam) itu beredar (berubah mengikut) illatnya, jika wujud illatnya maka hukumnya ada, jika illatnya tidak wujud maka hukumnya juga tidak ada.⁴⁹

⁴⁶ Abu ‘Abdillah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr Al-Qurtubi, *Al-Jami‘ li Ahkam al-Quran*. (Muassasah al-Risalah, 2006), 15/69.

⁴⁷ Jalal al-Din & Jalal al-Din al-Mahalli al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalayn al-Muyassar*, (Maktabah Lubnan Nashirun, 2003), 346.

⁴⁸ Abu Zakariyya Yahya Ibn Sharafuddin al-Nawawi al-Dimshaqi, *Riyad al-Salihin*, (Dar Ibn Kathir, 2007), 485.

⁴⁹ Shams al-Din Muhammad Ibn Abi al-‘Abbas Ahmad Ibn Hamzah Ibn Shihab al-Din al-Ramli al-Munufi al-Masri al-Ansari, *Nihayat Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, (Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 3/293.

Seterusnya hukum bergadang pun boleh berubah menjadi sunat bahkan wajib. Jika seseorang bergadang disebabkan memiliki hajat yang baik ataupun maslahat yang kuat dalam pandangan syarak, maka bergadang tersebut tidak menjadi makruh sepermulaan sabda Rasulullah saw:

عن عبد الله بن مسعود: لا سُمْرٌ بَعْدَ الصَّلَاةِ (يعني: العِشَاءَ الْآخِرَةَ) إِلَّا لِأَحَدٍ رَجُلٍّ أَوْ مُسَافِرٍ.
(صحيح)

Terjemahan: Tidak (boleh) bergadang selepas solat Isyak (yakni selepas waktu Isyak yang terakhir) kecuali bagi salah seorang daripada dua orang ini, iaitu orang yang solat (malam) dan musafir.⁵⁰

Penjelasan dalam hadith ini dapat diqiyaskan kepada perkara yang mengandungi maslahat yang kuat atau hajat yang penting seperti berdiskusi tentang ilmu, bercerita kehidupan orang-orang saleh, bersempang dengan tetamu supaya duduk selesa, pengantin baru bagi membahagiakan pasangan, berbual dengan keluarga dan anak-anak supaya menambah kasih sayang di antara mereka, bercakap-cakap dengan para musafir bagi menjaga harta benda dan keselamatan jiwa mereka, berbicara untuk mendamaikan antara keluarga yang berseteru, menolong orang, mengerjakan amar ma'ruf nahi munkar dan hajat yang lain-lagi.⁵¹ Maka, dalam perkara ini hukum bergadang boleh berubah menjadi sunat bahkan menjadi wajib dengan melihat apa faktor disebalik seseorang bergadang pada malam hari seperti para prajurit Islam yang bergadang disebabkan menjaga perbatasan.

عن أنس بن مالك: سُئلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ أَجْرِ الرِّبَاطِ فَقَالَ مِنْ رَابِطَ لِيَلَةً حَارِسًا مِنْ وَرَاءِ الْمُسْلِمِينَ كَانَ لَهُ أَجْرٌ مِنْ خَلْفِهِ مَنْ صَامَ وَصَلَّى (إسناده جيد)

Terjemahan: daripada Anas ibn Malik: Rasulullah saw ditanya mengenai pahala menjaga perbatasan negeri. Maka Rasulullah saw berkata: Sesiapa sahaja yang menjaga perbatasan negeri pada malam hari di belakang kaum muslimin, dia akan mendapatkan ganjaran orang yang solat dan puasa di belakangnya.⁵²

Kerugian Bergadang

Selain persoalan hukum-hakam mengenai bergadang, ternyata ia juga dapat merugikan orang yang bergadang tersebut, antaranya:

1. Kerugian waktu

Hukum makruh bergadang disebabkan tidak ada faedah yang dihasilkan sama ada untuk maslahat agama ataupun umat. Bergadang hanya membuang masa tanpa ada sebarang manfaat yang diperoleh. Oleh itu, Islam melarang perkara ini sebab Allah sangat menghargai waktu bahkan Allah bersumpah demi waktu yang Dia telah ciptakan untuk makhluk-makhlukNya. Sehingga turunlah surah ke 103 surah al-'Asr yang menjelaskan bahawa semua insan adalah merugi kecuali yang beriman, beramal saleh, berwasiat dengan kebenaran dan berwasiat dengan kesabaran.

⁵⁰ Al-Husin Ibn Mas'ud al-Baghawi,, *Sharh al-Sunnah*, (Al-Maktab al-Islami, 1983), 2/194.

⁵¹ Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, 5/146. Lihat juga: Mustafa Sa'id al-Khin et al., *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihih min Kalam Sayyid al-Mursalin*, (Muassasat al-Risalah, 1987), 1188.

⁵² Zakiy al-Din 'Abd al-'Azim Ibn 'Abd al-Qawi al-Mundhiri, *Al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*, (Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 2/155-156.

2. Kerugian dalam keberkatan

Bagi orang yang bergadang pada malam hari mesti akan mengantuk ketika masuk waktu pagi dan kebanyakannya mesti tidur dikeranakan kepenatan. Padahal waktu pagi merupakan waktu ditaburkannya keberkatan. Maka orang yang tidur pada waktu pagi akan terlepas daripada keberkatan tersebut. Sememangnya keberkatan pada waktu pagi dirakamkan dalam sebuah hadith da‘if dalam kitab *Ithaf al-Khiyarah al-Maharah* karangan al-Shaykh Ahmad Ibn Abi Bakr Ibn Isma‘il al-Busiri.


عن عبد الله بن مسعود: بورك لأمتى في بكورها

Terjemahan: daripada Abdullah ibn Mas‘ud: Diberkati untuk umatku di waktu pagi mereka.⁵³

3. Kerugian dalam kesihatan

Sebahagian ahli kesihatan mengatakan bahawa ketika bergadang tubuh seseorang akan dipaksa untuk tidak rehat. Perkara ini dapat menjadi faktor gangguan di bahagian tubuh yang sangat penting seperti jantung, otak, paru-paru, buah pinggang dan lain sebagainya. Seterusnya jika pada waktu bergadang itu dia kerkurangan minum air maka akan muncul gangguan penyakit pada kulit sehingga kulit terlihat lemah dan lesu.⁵⁴ Ada yang mengatakan bahawa penyakit akan menimpa orang yang bergadang secara cepat adalah penyakit anemia.⁵⁵

2. Teks Hukum *Qaza‘* Dalam Kitab *Tarjuman*



Terjemahan: ya, kalau rambut kepala boleh dipelihara dan dicukur yang penting jangan dibuat panjang terus dan jangan dicukur sebahagian kerana jika dicukur sebahagian kalau bukan kerana nakal maka makruh. Kalau kerana nakal, haram. Wajib segera taubat....

Definisi

Mencukur dalam bahasa Arab adalah حلق “*halaqa*” (Mohd Khairi Zainuddin, et al., 2007, p. 714). Namun, mencukur sebahagian rambut dan membiarkan sebahagian yang lain secara terpecah-pecah tidak beraturan disebut dengan القص “*qaza‘*”.⁵⁶

Perbincangan Hukum *Qaza‘*

Apa yang dijelaskan oleh KH. Abdul Hamid mengenai hukum makruh atau haramnya *qaza‘* itu didasari oleh hadith sebagaimana berikut:

⁵³ Ahmad Ibn Abi Bakr Ibn Isma‘il al-Busiri, *Ithaf al-Khiyarah al-Maharah*, (Dar al-Watan li al-Nashr, 1999), 3/266-267.

⁵⁴ RS Al-Irsyad Surabaya (2018, Disember 7), <https://rs-alirsyadsurabaya.co.id/begadang-dibenci-rasulullah-berbahaya-bagi-kesehatan/>

⁵⁵ Redaksi DalamIslam (t.t.). <https://dalamislam.com/fatwa-ulama/bergadang-dalam-islam>

⁵⁶ Abu Nasr Isma‘il ibn Hammad aAl-Juhari, *al-Sihah*, 938.

عن عبدالله بن عمر: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى صَبِيًّا حَلَقَ بَعْضَ رَأْسِهِ وَتَرَكَ بَعْضَ فَنْهِيَ عَنْ ذَلِكَ وَقَالَ احْلِقُوهُ كُلَّهُ أَوْ اتَرْكُوهُ كُلَّهُ (صَحِيحٌ)

Terjemahan: Sesungguhnya nabi Muhammad saw telah melihat bayi dicukur sebahagian rambutnya dan dibiarkan sebahagiannya. Maka nabi Muhammad saw melarang perbuatan tersebut dan berkata, cukurlah semua rambutnya atau biarkan (jangan dicukur) semuanya.⁵⁷

Jika melihat matan hadith ini, yang dilarang adalah bayi atau anak kecil bukan orang dewasa. Namun larangan tersebut tidak dapat difahami bahawa orang dewasa boleh melakukan qaza'. Kerana jika bayi atau anak kecil sahaja dilarang, yang mana dia termasuk kategori orang yang belum berakal atau tidak dapat menggunakan akalnya dengan sempurna, apakah lagi orang dewasa yang sudah memahami mana yang baik atau buruk begitu juga dia mengetahui mana yang indah atau jelek. Justeru, orang dewasa tambah dilarang.

Imam Nawawi menjelaskan bahawa qaza' adalah mencukur sebahagian rambut dan membiarkan sebahagian secara mutlak. Sebahagian ulama mengatakan qaza' itu mencukur bahagian-bahagian kepala secara terpecah-pecah. Namun yang sahih adalah pandangan golongan pertama mengikut penafsiran perawi. Para ulama telah menyatakan ijmak atas hukum makruh tanzih melakukan qaza' pada bahagian-bahagian kepala secara terpecah-pecah kecuali bagi tujuan perubatan dan lain sebagainya.⁵⁸ Tegahan ini berlaku ke atas kaum lelaki dan wanita. Dikatakan, hikmahnya adalah kerana memburukkan penciptaan, menimbulkan gunjingan keburukan dan kekejadian serta menyerupai gaya atau penampilan orang yang beragama Yahudi.⁵⁹ Ada juga ulama yang mengistilahkan hikmah itu dengan illat tegahan qaza'. Sebahagian mereka mengatakan qaza' ditegah kerana ia membuat jelek penciptaan, ada pula yang mengatakan kerana itu adalah gaya atau penampilan syaitan, ada juga yang mengatakan kerana itu adalah penampilan orang Yahudi, juga ada yang mengatakan bahawa qaza' itu adalah penampilan orang jahat dan mesum.⁶⁰

Manakala Ibn Taymiyah berkata bahawa daripada kesempurnaan kecintaan Allah dan Rasulullah saw terhadap keadilan sehingga seseorang itu juga wajib adil meskipun kepada dirinya sendiri. Maka dilarang untuk melakukan qaza' kerana itu merupakan kezaliman kepada kepalanya iaitu sebahagiannya tertutup dan sebahagian yang lain terbuka. Sebagai pembanding ialah Rasulullah saw mentegah seseorang duduk di antara panas dan teduh kerana itu merupakan kezaliman kepada sebahagian badannya. Begitu juga seseorang ditegah berjalan dengan satu selipar tapi gunakan kedua-dua selipar atau tinggalkan semuanya. Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa qaza' ada empat jenis iaitu:

1. Mencukur rambut kepala di sana-sini dengan model yang diambil daripada taburan awan iaitu seperti potongan awan.
2. Mencukur bahagian tengah dan membiarkan bahagian tepi rambut kepala sepertimana yang dilakukan oleh para penjaga gereja orang-orang Nasrani.
3. Mencukur bahagian tepi rambut kepala dan tidak mencukur bahagian tengahnya sepertimana banyak dilakukan oleh banyak kalangan samseng dan orang-orang yang tidak baik.
4. Mencukur bahagian hadapan rambut kepala dan meninggalkan belakangnya.⁶¹

⁵⁷ Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Azdi Al-Sijistani, *Sunan Abi Dawud*, (Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, 2009), 6/261.

⁵⁸ Lihat juga: Mustafa Sa'id al-Khin et al., *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*, 1126.

⁵⁹ Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, 14/10.

⁶⁰ Wizarat al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah, *al-Mawsu 'ah al-Fiqhiyyah*, (Tiba'at Dhat al-Salasil, 1987), 33/165.

⁶¹ Abu 'Abdillah Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Ayyub Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Tuhfat al-Mawdud bi Ahkam al-Mawlid*, (Dar 'Alam al-Fawaid li al-Nashr wa al-Tawzi', 1431 H.), 147-148.

Jika memotong di hujung-hujung rambut atau menipiskannya, maka itu tidak termasuk hukum qaza' yang dilarang. Yang menjadikan makruh adalah jika dia mencukurnya secara terpecah-pecah. Apatah lagi menyerupai orang-orang kafir atau mereka yang berprilaku mesum dan fasiq maka hukumnya menjadi haram. Kerana menyerupai simbol kehidupan orang kafir atau fasiq itu haram dan Rasulullah saw melarang penyerupaan tersebut.

من تشبه بقوم فهو منهم

Terjemahan: Sesiapa sahaja yang menyerupai suatu kaum maka dia termasuk dalam golongan mereka.⁶²

Daripada hadith ini, Rasulullah saw melarang umatnya menyamai gaya hidup atau penampilan kaum Yahudi. Sebuah hadith riwayat Muslim yang sangat mirip dengan hadith ini, juga dihubungkaitakan dengan tegahan Rasulullah saw terhadap penggunaan pakaian jubah kaum Yahudi Khaibar yang disebut dengan Tayalisah yang mana pakaian ini akan dipakai nanti oleh kaum Yahudi yang mengikut Dajjal. Dalam hadith tersebut Rasulullah saw bersabda:

ليس منا من تشبه بغيرنا

Terjemahan: Bukan golongan kami sesiapa yang menyerupai golongan selain kami.⁶³

Oleh itu, jika seseorang melakukan qaza' menyerupai kaum Yahudi maka hukumnya menjadi haram. Ataupun menirukan model orang-orang jahat yang melambangkan kefasikan atau kenakalan maka dihukumi haram sepertimana yang dijelaskan oleh KH. Abdul Hamid. Contoh mencukur secara qaza' yang dilarang dalam Islam.



Gambar 3.0

KESIMPULAN

Beberapauraian panjang mengenai hukum bergadang dan qaza' yang dijelaskan dalam kitab *Tarjuman* dengan merujuk kepada kenyataan para ulama, maka dapat diambil kesimpulan sepertimana berikut:

1. KH. Abdul Hamid sangat tegas dan responsif menanggapi segala amalan atau kebiasaan masyarakat daripada segi hukum-hakam syarak sehingga mereka tidak terjerumus kepada perkara yang makruh apatah lagi haram.

⁶² Shihabuddin Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar Al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, 18/40 dan 48.

⁶³ *Ibid*, 18/48.

2. KH. Abdul Hamid merupakan seorang ulama yang solutif dalam memberi pandangan hukum sehingga menjadi jalan keluar daripada kemusyikilan yang terjadi di kalangan masyarakat. Beliau sangat bijak menjadikan ajaran agama Islam sebagai satu aturan dan panduan dalam kehidupan masyarakat. Sebagai contoh ketika beliau menyatakan tegahan bergadang. Meskipun mentegah tapi beliau tetap memberikan solusi bahawa ada juga bergadang yang dibolehkan seperti bergadang untuk belajar dan segala perkara yang mengandungi maslahat dan kebaikan.
3. Pandangan KH. Abdul Hamid berlandaskan maqasid syariah yang sentiasa menjaga perkara penting dalam Islam yang disebut dengan al-daruriyyat al-khams iaitu hifz al-din (menjaga agama), hifz al-nafs (menjaga jiwa), hifz al-'aql (menjaga akal), hifz al-nasl (menjaga keturunan) dan hifz al-mal (menjaga harta).⁶⁴ Ada dua elemen daripada al-daruriyyat al-khams yang mendasari beliau dalam memberi pandangannya terhadap hukum bergadang dan qaza'. Adapun dua elemen tersebut adalah hifz al-din dan hifz al-nafs. Sangat jelas bahawa ketika seseorang ditegah bergadang, pada hakekatnya supaya agamanya terjaga dengan terus melaksanakan ibadah sesuai dengan aturan waktu yang ditetapkan dan supaya badannya tidak mudah terserang penyakit. Manakala pada tegahan qaza', ia mengandungi unsur hifz al-din iaitu supaya agama Islam ini jelas perbezaannya dengan ajaran agama lain sehingga agama Islam tidak tercemar dengan perbuatan buruk pemeluknya.

RUJUKAN

- HAMKA (2002). Sejarah Umat Islam. Kerjaya Printing Industries Pte Ltd.
- Bakhri, Mokh. Syaiful (2006). Syaichona Cholil Bangkalan Ulama dari Legendaris Madura. Penerbit Cipta Pustaka Utama.
- (2007). Kamus Dewan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (2008). Kamus Bahasa Indonesia. Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.
- Zainuddin, Mohd Khairi, et al. (2007). al-Miftah Kamus Moden Melayu Arab Inggeris. Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd.
- Syarif, Zainudin (2007). Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern. Sunan Kalijaga Press.
- Hamid, Abdul bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid (1980). *Tarjuman*. Dar al-Saqqaf.
- Yunus, Mahmud (1973). Arab-Indonesia. Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsiran Al-Quran.
- Al-Juhari, Abu Nasr Isma'il ibn Hammad (2009). Al-Sihah. Dar al-Hadith.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdillah Muhammad Ibn Isma'il (2002). Sahih al-Bukhari. Dar Ibn Kathir.
- Ibn Majah, Abu 'Abdillah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwini (1998). Sunan. Dar al-Jayl.
- Al-Nawawi (1929). Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi. Al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abdillah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr (2006). Al-Jami' li Ahkam al-Quran. Muassasah al-Risalah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din & Jalal al-Din al-Mahalli (2003). Tafsir al-Jalalayn al-Muyassar. Maktabah Lubnan Nashirun.
- Al-Dimshaqi, Abu Zakariyya Yahya Ibn Sharafuddin al-Nawawi (2007). Riyad al-Salihin. Dar Ibn Kathir.
- Al-'Asqalani, Shihabuddin Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar (2013), Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari. Al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-Ansari, Shams al-Din Muhammad Ibn Abi al-'Abbas Ahmad Ibn Hamzah Ibn Shihab al-Din al-Ramli al-Munufi al-Masri (2003). Nihayat Muhtaj ila Sharh al-Minhaj. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Baghawi, Al-Husin Ibn Mas'ud (1983). Sharh al-Sunnah. Al-Maktab al-Islami.

⁶⁴ Abu Ishaq Ibrahim Ibn Musa Ibn Muhammad al-Lakhmi al-Shatibi, *Al-Muwafaqat*, (Dar Ibn 'Affan, 1998), 20.

- Mustafa Sa‘id al-Khin *et al.* (1987). *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Muassasat al-Risalah.
- Al-Mundhiri, Zakiy al-Din ‘Abd al-‘Azim Ibn ‘Abd al-Qawi (2003). Al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Busiri, Ahmad Ibn Abi Bakr Ibn Isma‘il (1999). Ithaf al-Khiyarah al-Maharah. Dar al-Watan li al-Nashr.
- Al-Sijistani, Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash‘ath al-Azdi (2009). Sunan Abi Dawud. Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Wizarat al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah (1987). al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah. Tiba‘at Dhat al-Salasil.
- Al-Jawziyyah, Abu ‘Abdillah Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Ayyub Ibn al-Qayyim (1431 H.). Tuhfat al-Mawdud bi Ahkam al-Mawlid. Dar ‘Alam al-Fawaaid li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim Ibn Musa Ibn Muhammad al-Lakhmi (1998). Al-Muwafaqat. Dar Ibn ‘Affan.
- Syarif, Zainuddin (2018). Konsep Pendidikan *Téngkâ* (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman), Nuansa (Jurnal Ilmu Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam- Institut Agama Islam Negeri Madura), 15. 1.
- Rohmah, Umi Nuriyatur (2018). Penggunaan Ayat-Ayat Al-Quran dalam Ritual Rebo Wekasan Studi Living Qur'an di Desa Sukoreno Kec. Kalisat Kab. Jember. Al-Bayan Jurnal Ilmu Qur'an dan Hadits, 1. 1.
- Imamuddin & Abdul Karim bin Ali (2022). Sumbangan dan Peranan KH. Abdul Hamid Dalam Kearifan Tempatan: Kajian Terhadap Kitab *Tarjuman*. Al-Basirah. 12. 1.
- Wiyonggo seto (2016, 08). Pesantren Banyuanyar Sesepuh Para Kyai. <http://wiyonggoputih.blogspot.com/2016/08/pesantren-banyuanyar-sesepuh-para-kyai.html>
- RS Al-Irsyad Surabaya (2018, Disember 7). <https://rs-alirsyadsurabaya.co.id/begadang-dibencirasulullah-berbahaya-bagi-kesehatan/>
- Redaksi Dalamislam (t.t.). <https://dalamislam.com/fatwa-ulama/bergadang-dalam-islam>
- Imamuddin (2016). Solat Sunat Dalam Kitab Tarjuman Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin KH Abdul Hamid: Kajian Teks. [Disertasi Master]. Universiti Malaya.
- Abdullah (2016). Etika Memperlakukan Al-Quran Dalam Kitab Tarjuman Karya KH. Abd. Hamid Bin Isbat Dan KH. Abd. Majid Bin Abd. Hamid. [Skripsi]. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Hisyam, Muhammad Ali (Juli 2003). Banyuanyar: Sebuah Stasiun di Pelosok Waktu. Majalah Dinamika, Ed. 1.
- Fikri, Ibnu. (2014). Aksara Pegon: Studi Tentang Simbol Perlawanan Islam Jawa Abad Ke – XVIII – XIX”. IAIN Semarang, http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu_Fikri-Aksara_pegon_Ringkasan.pdf
- Kiai Muhri (seorang tokoh masyarakat dan termasuk alumni Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.
- KH. Muhammad Syamsul Arifin (Mudir pondok pesantren Darul Ulum Banyuanyar semenjak tahun 1980-2021), dalam temubual dengan pengkaji, 11 November 2011.
- Ust. Muzammil Imron, MA. (alumni dan termasuk Ustaz yang aktif mengajar di Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 17 November 2011.
- KH. Tahir Zain bin KH. Abdul Hamid bin KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi (yang mana KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi ini adalah menantu kepada KH. Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid bin kiai Ithbat) di pondok pesantren Manba’ul Ulum Bata-Bata Pamekasan Madura Jawa Timur Indonesia, dalam temubual dengan pengkaji, tarikh 23 November 2011.